

Batal, senarai hitam lesen

Oleh Saadiah Ismail

saadiah_is-
mail@bh.com.my

Kuala Lumpur

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan mengambil tindakan tegas termasuk membatalkan dan menyenarai hitam penerima lesen tapak bazar Ramadan dan Aidilfitri jika didapati menjual petak nasi kepada pihak lain.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa berkata, kira-kira 600 petugas akan melakukan pemantauan di 42 lokasi tapak bazar Ramadan dan Aidilfitri.

Katanya, bazar Ramadan dan Aidilfitri kali ini perlu dilaksanakan dengan berjaya bagi membantu peniaga kecil dan usaha dilakukan DBKL harus disokong selari dengan hasrat yang dibawa oleh Kerajaan Madani.

“Bagaimanapun, setakat ini, kita tidak menerima sebarang aduan berkaitan cubaan untuk menjual petak bazar Ramadan dan Aidilfitri kepada pihak ketiga.

“Dan difahamkan, petak jualan ini sudah ham-



“Setakat ini, kita tidak menerima sebarang aduan berkaitan cubaan jual petak bazar Ramadan dan Aidilfitri kepada pihak ketiga”

*Menteri Di Jabatan
Perdana Menteri
(Wilayah Persekutuan),
Dr Zaliha Mustafa*

pir penuh dan sekiranya terdapat aktiviti penjualan tidak sah, mohon orang ramai untuk membuat aduan kepada DBKL dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) supaya tindakan segera dapat diambil,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika Sesi Taklimat

Media berhubung Bazar Ramadan dan Aidilfitri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2025, di sini, semalam.

Turut hadir, Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif.

Beliau berkata, tiada pekerja warga asing dibenarkan untuk membantu peniaga dan kadar pemotongan wang cagar petak sewaan adalah 100 peratus sekiranya perkara itu berlaku.

“Perkara itu ditetapkan dalam perundangan kecil oleh DBKL, malah syarat utama DBKL juga mewajibkan untuk semua peniaga makanan ini mendapatkan suntikan tifoid bagi mengelakkan sebarang penularan penyakit dan keracunan makanan.

“Sekiranya terdapat aduan keracunan makanan, DBKL akan menjalankan siasatan dan jika didapati bersalah, denda sehingga RM2,000 akan dikenakan.

“DBKL akan bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bagi memantau sebarang harga barangan yang terlalu tinggi,” katanya.